

BAB 2 : PETADBIRAN NEGERI-NEGERI SELAT

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	TAJUK 7 : Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	SK : 7.2 Pentadbiran Negeri-negeri Selat	SP: 7.2.1

1. (a) i. Jelaskan latar belakang Pulau Pinang sebelum peluasan kuasa British. (3 markah)
- ii. Terangkan latar belakang Singapura sebelum peluasan kuasa British. (3 markah)
- (b) Huraikan faktor-faktor peluasan kuasa British di Pulau Pinang (6 Markah)
- (c) Beri cadangan anda bagi memajukan sektor ekonomi negara? (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	TAJUK 7: Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	SK : 7.2 - pentadbiran Negeri-negeri Selat	SP: 7.2.1 & 7.2.2

2. "Stamford Raffle dan William Farquhar telah menduduki Singapura. (ms. 38)
- (a) i. Nyatakan kepentingan Singapura kepada British. (3 markah)
- ii. Jelaskan strategi Stamford Raffles untuk menguasai Singapura (3 markah)
- (b) Bincangkan kesan perjanjian London terhadap Alam Melayu. (6 Markah)
- (c) Huraikan iktibar yang dipelajari daripada strategi peluasan kuasa barat ke negara kita. (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	TAJUK : Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	SK : 7.2 - Pentadbiran Negeri-negeri Selat	SP: 7.2.3 & 7.2.4

3. "Negeri Selat dibentuk pada tahun 1826 terdiri daripada gabungan negeri Pulau Pinang, Singapura dan Melaka" (ms 47-49)
- (a) Jelaskan kepentingan negeri-negeri Selat kepada pihak British. (6 Markah)
- (b) "Pemindahan pentadbiran Negeri-negeri Selat dari Pejabat India ke pejabat Tanah Jajahan London" (6 Markah)
- Mengapakah pemindahan pentadbiran Negeri-negeri Selat dilaksanakan?
- (c) Huraikan iktibar yang boleh diambil daripada penubuhan negeri-negeri Selat. (8 Markah)

PANDUAN PENSKORAN – BAB 2 : PETADBIRAN NEGERI-NEGERI SELAT

No. Soalan	Jawapan	Markah
1 a)i)	<p>Latar belakang Pulau Pinang</p> <p>F1- Pulau Pinang Wilayah Kesultanan Kedah F2- Tempat persinggahan pedagang dari Linga dan Kedah F3- Pulau Pinang pelabuhan dagang daerah serantau dan Aceh F4- Batu Uban Pelabuhan paling awal F5- Sering dikunjungi pedagang-pedagang Arab F6- Petempatan Batu Uban dibuka orang Melayu dan Sumatera F7- Sultan Kedah anugerahkan kawasan tersebut sebagai membalas jasa orang Sumatera membantu kesultanan Kedah menentang Siam</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana 3 x1)</i></p>	(3 markah)
1 a)ii)	<p>Latar belakang Singapura sebelum peluasan kuasa British</p> <p>F1- wilayah Kesultanan Johor Riau meliputi Pahang, Johor dan gugusan kepulauan Riau Lingga F2- ditadbir oleh Temenggung Abdul Rahman F3- ladang-ladang gambir diusahakan oleh orang Melayu dan Cina F4- pemerintah kesultanan Johor Riau ialah Sultan Abdul Rahman F5- mengadakan hubungan baik dengan Belanda</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana 3 x1)</i></p>	(3 markah)
1 b)	<p>Faktor peluasan kuasa British di Pulau Pinang</p> <p>F1 pusat pengumpulan barang H1 British memerlukan barangan dari China H2 China memerlukan emas, perak, bijih timah dan rempah ratus sebagai tukaran H3 British memerlukan pusat mengumpul barangan</p> <p>F2 pelabuhan persinggahan H1 terletak di laluan perdagangan antara India dan China H2 tempat membaiki kapal, mendapatkan bekalan makanan dan minuman H3 tempat berlindung sementara menunggu peralihan angin monsun H4 memudahkan penjelajahan ke rantau Asia Pasifik</p> <p>F3 pangkalan tentera H1 British memerlukan pangkalan tentera yang lebih strategik H2 mempertahankan petempatan di India daripada ancaman tentera Perancis H3 menghadapi saingan Belanda di Alam Melayu</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana 6 x1)</i></p>	(6 markah)
1(c)	<p>Cadangan memajukan sektor ekonomi negara</p> <p>F1-menguasai pelbagai kemahiran H1-melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan F2-meningkatkan eksport dan import negara H2- meluaskan pasaran di peringkat antarabangsa F3-menggalakkan pelaburan asing</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana jawapan yang munasabah)</i></p>	(8 markah)

No. Soalan	Jawapan	Markah
2 a)i)	<p>Kepentingan Singapura kepada British</p> <p>F1 British memerlukan pelabuhan yang lebih strategik F2 kedudukan Singapura dapat mengawal perdagangan Selat Melaka dan selat Sunda F3 sebagai pusat pengumpulan hasil ekonomi Alam Melayu F4 kebanyakan kapal dagang berlabuh di pelabuhan Batawi, Riau, Lingga berada di bawah pengaruh Belanda</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana 3 x1)</i></p>	(3 markah)
2 a)ii)	<p>Strategi Stamford Raffles untuk menguasai Singapura</p> <p>F1 perjanjian dengan Temenggung Abdul Rahman untuk membuka petempatan F2 memanipulasi isu perwarisan takhta kesultanan Johor-Riau F3 mengisytiharkan Tengku Hussein sebagai Sultan Johor-Riau bersemayam di Singapura</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana 3 x1)</i></p>	(3 markah)
2 (b)	<p>Kesan perjanjian London terhadap Alam Melayu</p> <p>F1- pembahagian Alam Melayu kepada dua lingkungan pengaruh barat H1- selat Melaka dan selat Singapura menjadi sempadan pemisah antara wilayah pengaruh British dan Belanda H2- British dan Belanda mengutamakan kepentingan mereka terjamin H3- mewujudkan entiti geopolitik baharu H4- wilayah pengaruh British dikenali sebagai Tanah Melayu H5- wilayah pengaruh Belanda dikenali sebagai Timur Belanda</p> <p>F2- Perpecahan empayar kesultanan Johor-Riau H1- pembahagian kawasan pengaruh British dan Belanda H2- menamatkan keunggulan Johor-Riau H3- pemerintahan wilayah kekuasaan kesultanan Johor Riau telah berpecah belah</p> <p>F3- selat Melaka di bawah penguasaan British H1- perdagangan di selat Melaka dikuasai sepenuhnya oleh British H2- pengunduran Belanda dari Tanah Melayu buka peluang kepada British meluaskan kuasa ke negeri-negeri Melayu.</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana 6 x1)</i></p>	(6 markah)
2(c)	<p>Iktibar yang dapat dipelajari daripada strategi peluasan kuasa barat ke negara kita</p> <p>F1- kita hendaklah sentiasa bersatu padu H1- agar negara dapat dipertahankan F2- sentiasa peka dengan strategi kuasa luar untuk menguasai negara kita. H2- agar tidak tertipu dengan muslihat mereka F3- kita seharusnya mempunyai sikap siap siaga menangani ancaman negara demi H3- mengekalkan kedaulatan negara kita F4- kita mestilah bekerjasama memajukan ekonomi H4- agar boleh bersaing di pasaran antarabangsa.</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana jawapan yang munasabah)</i></p>	(8 markah)

No. Soalan	Jawapan	Markah
<p>3 (a)</p>	<p>Kepentingan Negeri-negeri Selat kepada pihak British</p> <p>F1- menjimatkan perbelanjaan F2- menyeragamkan pentadbiran F3- British dapat menguasai keseluruhan Selat Melaka sebagai laluan utama perdagangan Alam Melayu F4- taraf pelabuhan bebas menarik pedagang dari semua Alam Melayu dan luar seperti Arab, China, India dan Eropah. F5- negeri Selat menjadi tempat pengumpulan hasil-hasil alam Melayu seperti bijih timah bertujuan mengimbangi perdagangan British dengan China F6- menyaingi pelabuhan Belanda di alam Melayu F7- negeri-negeri selat menjadi pintu masuk buruh luar dan kemasukan pelabur luar/ Barat menyebabkan perkembangan Negeri-negeri Selat berlaku dengan pantas</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana 6 x1)</i></p>	<p style="text-align: right;">(6 markah)</p>
<p>3(b)</p>	<p>Pemindahan pentadbiran negeri-negeri Selat dilaksanakan</p> <p>F1- golongan pedagang/penduduk NNS tidak puas hati F2- tiada wakil NNS dalam majlis perundangan di India yang meluluskan undang-undang bagi negeri-negeri Selat. F3- pejabat India gagal menyelesaikan / mengawal masalah rompakan dan pergaduhan orang Cina di NNS. F4- menolak mata wang rupee sebagai mata wang NNS dan menggantikan mata wang dolar Sepanyol F5- cadangan mengenakan cukai pelabuhan boleh menjejaskan kemakmuran pelabuhan bebas NNS F6- NNS dijadikan tempat pembuangan banduan akan menjejaskan imej NNS.</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana 6 x1)</i></p>	<p style="text-align: right;">(6 markah)</p>
<p>3(c)</p>	<p>Iktibar yang boleh diambil daripada penubuhan Negeri-Negeri Selat</p> <p>F1- kita hendaklah mempertahankan kekayaan dan keistimewaan negara H1- agar tidak dieksploitasi oleh orang asing.</p> <p>F2- Kita harus mempertahankan kedaulatan negara kerana H2- kuasa asing sentiasa mencari peluang untuk menguasainya</p> <p>F3- kita perlu bijak menangani muslihat musuh kerana H3- mereka akan menggunakan pelbagai strategi untuk mencapai matlamat</p> <p>F4- kita hendaklah ingat apabila negara telah dikuasai oleh orang asing H4- amat sukar untuk mendapatkannya semula.</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana jawapan yang munasabah)</i></p>	<p style="text-align: right;">(8 Markah)</p>